

PENTERNAKAN AI



Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor melaksanakan program Permanian Beradas (AI) kepada penternak yang berminat >>2&3



FOKUS

Teks dan gambar Saiful
Iskandar Ismail
rencana@hmetro.com.my

Kepesatan pembangu-
nan sekitar Lembah
Klang khususnya Se-
langor, menyaksikan ka-
wasan tanah yang sesuai
untuk aktiviti penterna-
kan di negeri itu kini kian
berkurangan.

Pada masa sama kepa-
datan penduduk menyak-
sikan peningkatan per-
mintaan terhadap bekalan
daging khususnya lembu
dan kambing.

Ketika ini, ada kira-kira
600 penternak dalam pel-
bagai skala di seluruh Se-
langor membabitkan kira-
kira 12,000 ekor lembu.

Dalam usaha mening-
katkan bekalan daging
untuk memenuhi permin-
taan, Jabatan Perkhidma-
tan Veterinar (JPV) Selan-
gor mengambil inisiatif
melaksanakan program
Permanian Beradas (AI)
kepada penternak yang
berminat.

Ia membabitkan ka-
cukan lembu tempatan
khususnya daripada baka
Kedah Kelantan (KK) dan
Local Indian Dairy (LID)
dengan benih lembu yang
diimport dari luar negara.

Antara baka terbabit
Brahman, Chaldean, Red



AFFENDI (kiri) bersama
Mohd Rifanni melakukan
proses permanian beradas.

RAMAI TAK SEDAR

Brahman, Charolaise, Belgian Bleu dan Limousine serta Blonde yang dibawa dari Perancis, New Zealand dan Amerika Syarikat.

Sperma baka lembu yang dibawa masuk untuk tujuan AI dimasukkan dalam tiub yang disimpan dalam tangki stok sperma berisi cecair Liquid Nitrogen pada suhu serendah negatif 196 darjah Selsius. Ia mampu disimpan dan mempunyai ketahanan hingga puluhan tahun.

Penolong Pegawai Veterinar JPV Selangor Affendi Kasla berkata, walaupun AI sudah lama menjadi amalan penternak negara ini khususnya di Kelantan, aktiviti itu hanya bermula di Selangor sejak 2012.

Beliau berkata, hasil aktiviti itu tahun lalu, 120 anak lembu diperolehi menerusi pendekatan AI dan sejak awal tahun ini hingga April, 139 ibu lembu sudah diberi suntikan permanian beradas.

“Proses AI dilakukan secara menyuntik sperma lembu jantan yang diimport ke dalam ke-

kemudahan percuma

Kos tidak tinggi kerana JPV bawa benih terbaik laksana AI tanpa perlu import lembu baka untuk kacukan semula jadi



lamin ibu lembu tempatan ketika ia menunjukkan tanda-tanda biang atau sedia untuk mengawan.

“Antara kebaikan kaedah AI termasuk anak lembu yang dilahirkan lebih cepat membesar kerana potensi mengikut baka disuntik seterusnya menghasilkan banyak daging dan mengeluarkan lebih banyak susu bagi yang betina untuk lembu tenusu,” katanya.

Affendi berkata, ketika ini masih ramai penternak di Selangor yang kurang mengetahui kemudahan AI yang disediakan pejabat JPV seluruh negeri secara percuma.

“Sebolehnya, kami mahu menggalakkan semua penternak beralih kepada AI kerana dapat meningkatkan genetik ternakan, ekoran kawasan ternakan kian terhad.

“Ini kerana lembu yang bakal diternak penduduk memberi pulangan hasil daging yang tinggi walau-

pun jumlah ternakan kecil disebabkan kadar tumbesaran lebih baik berbanding lembu kampung biasa.

“Baka lembu tempatan, biasanya mempunyai berat maksimum hingga 300 kilogram (kg) bagi betina dan 400kg bagi jantan dengan kadar tumbesaran harian antara 800 gram hingga satu kg saja.

“Namun, anak lembu baka kacukan yang jantan mampu mencapai berat hingga 800kg dalam tempoh dua tahun kerana kadar tumbesaran harian mencapai 1.2 hingga 2kg sehari,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui meninjau penternakan lembu di kandang milik Jelapang Warisan Sdn Bhd dekat Sungai Buloh, Selangor, baru-baru ini.

Di kandang lembu milik Jelapang Warisan kepunyaan arkitek, Zulkhairi Mohd Zain itu, empat lembu kacukan baka Charolaise yang dihasilkan menerusi kaedah AI di situ, mempunyai nilai menyamai 20 ekor lembu kampung.

Sementara itu, Penolong Pegawai Veterinar JPV Selangor, Mohd Rifanni Zawawi berkata, kos menghasilkan lembu kacukan juga tidak tinggi kerana JPV membawa benih yang terbaik untuk pelak-



“Proses AI dilakukan secara menyuntik sperma lembu jantan yang diimport ke dalam kelamin ibu lembu tempatan ketika ia menunjukkan tanda-tanda biang atau sedia untuk mengawan”

AFFENDI

sanaan AI tanpa perlu mengimport lembu baka untuk tujuan kacukan secara semula jadi.

“Usaha membawa sperma baka lembu dari luar negara adalah jauh lebih jimat, selamat dan mempunyai ketahanan tinggi, berbanding mengimport induk jantan

yang menelan belanja besar. Selain berdepan risiko kematian akibat tekanan berikutan perubahan iklim dan persekitaran.”

“Dalam usaha memperluaskan kemudahan dan menggalakkan penternak Selangor menggunakan kaedah AI, JPV kini turut menganjurkan latihan kepada mereka yang berminat melakukan sendiri proses suntikan sperma terabit menggunakan benih disediakan jabatan itu,” katanya.

Mohd Rifanni berkata, menerusi kaedah ‘Do It Yourself’ (DIY) itu, semua peserta yang mengikuti kursus selama tiga hari dua malam diberikan tunjuk ajar hingga mampu mengendalikan sendiri proses AI.

Katanya, ketika ini ada tujuh penternak di Selangor termasuk Zulkhairi, mempunyai kemahiran mengendalikan proses suntikan AI, dalam usaha membantu JPV menggalakkan lebih ramai penternak beralih kepada pembiakan secara suntikan itu.

Malah pihaknya juga menyasarkan untuk melatih sekurang-kurangnya 20 penternak bagi menguasai kemahiran melakukan suntikan AI di seluruh Selangor sebelum diberi kelengkapan tugas itu di ladang sendiri dan kawasan berdekatan.




MOHD Rifanni mengeluarkan tiub berisi sperma baka lembu yang disimpan dalam tangki cecair Liquid Nitrogen.



PENGAJAR kursus menerangkan cara penggunaan alat kekangan lembu.



PENGAJAR kursus menerangkan cara penggunaan alat kekangan lembu.



YANG Dipertua Majlis Daerah Pekan, Datuk Ahmad Salhi Abdul Latif (kanan) ketika melawat Pasar Komuniti dan Karavan di Pekan, baru-baru ini.



DIARI AGRO

■ Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan

Tarikh: 5 hingga 9 Ogos 2015

Tempat: Taman Jubli Emas, Alor Setar, Kedah.

Masa: 10 pagi hingga 10 malam

■ Bengkel Penyediaan Stok Tanaman dan Penanaman Tumbuhan Darat dan Akuatik

Tarikh: 18 hingga 20 Ogos 2015

Tempat: Resort Tasik Chini, Tasik Chini, Pahang.

Penganjur: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perhu-

tanan Negeri Pahang

■ Kursus Pakej Projek Agropreneur Muda Cendawan

Tarikh: 23 hingga 28 OGOS 2015

Tempat: Pusat Pembangunan Usahawantani, Pagoh, Johor.

Penganjur: Jabatan Pertanian Malaysia

No telefon: 03-88703297/3290/3189

■ Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR)

Tarikh: Setiap Selasa dan Khamis

Jam: 4 petang hingga 10 malam

Tempat: Jengka, Pahang.

■ Laman Perikanan MAEPS, Serdang

Tarikh: April hingga Disember 2015

Hari: Rabu, Khamis, Sabtu

dan Ahad

Jam: 10 pagi hingga 4 petang
Penganjur: Jabatan Perikanan

■ Pasar Rabu

Tarikh: Setiap Rabu

Tempat: Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah (SHAS), Indera Mahkota, Kuantan, Pahang.

Jam: 10 pagi hingga 2 petang

■ Pasar Tani Mega Fama

Tarikh: setiap Ahad

Tempat: Pusat Transformasi Bandar (UTC), Kuantan, Pahang

Jam: 7 pagi hingga 2 petang

Untuk hebahan aktiviti @ program agro boleh e-mel kepada rencana@media-prima.com.my atau mohamad_hussin@hmetro.com.

LEMBU dimasukkan di dalam alat kekangan.